

19 NOV 2003

Manila-Rundingan/I

KELEWATAN RUNDINGAN DI KL MUNGKIN CETUS PERTEMPURAN DI MINDANAO

Oleh: Al Labita Jr

MANILA, 19 Nov (Bernama) -- Kelewatan yang berlanjutan dalam mengadakan rundingan damai di Malaysia telah membimbangkan dan boleh mencetuskan pertempuran baru antara kerajaan dan Pemisah Islam di Mindanao.

Pemimpin pembangkang Filipina Senator Aquilo Pimentel membangkitkan kebimbangan hari ini berikutan laporan bahawa kerajaan dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) belum lagi bersetuju sama ada rundingan itu di Kuala Lumpur akan disambung semula.

"Lebih lama lagi rundingan damai itu ditangguhkan, lebih banyak lagi pertempuran mungkin berlaku. Dan jika ini berlaku, kedudukan ini samalah seperti dahulu," kata Pimentel memberi amaran.

Para pegawai yang mengendalikan rundingan itu menyalahkan kelewatan MILF membuat keputusan mengenai siapa yang akan menjadi ketua perunding berikutan perubahan pada pertubuhan itu kerana kematian pengerusinya Hashim Salamat baru-baru ini.

Mereka juga menyifatkan kelewatan itu disebabkan peralihan kuasa Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang memerlukan sedikit pelarasan sebagai hos kepada rundingan damai itu.

Pimentel, dari Mindanao, mendesak supaya kerajaan Presiden Gloria Arroyo menerangkan kenapa rundingan damai secara formal tidak disambung semula di Kuala Lumpur.

"Banyak masa berharga habis. Kerajaan dan wakil MILF sepatutnya kembali ke meja rundingan untuk menangani isu berlarutan dan akhirnya mewujudkan satu perjanjian damai," kata beliau.

Katanya kedua-dua pihak menandatangani satu perjanjian gencatan senjata pada 14 Julai lepas dan mengukuhkan komitmen mereka ke arah satu jalan damai.

Kenyataan pemimpin pembangkang itu dibuat selaras dengan laporan bahawa pertelingkahan baru berlaku di selatan Filipina berikutan pihak tentera dan MILF mula tuduh-menuduh mengenai dakwaan melanggar perjanjian gencatan senjata dan perjanjian lain yang ditandatangani sebelum ini.

Pihak tentera menuduh MILF mengambil kesempatan dengan kelewatan rundingan itu untuk rekrut lebih ramai pemberontak, mengumpul banyak senjata dan kemudian melancar serangan provokatif terhadap pihak tentera.

MILF juga menuduh kerajaan telah memungkiri perjanjian sebelum ini untuk menarik balik anggota tenteranya dari Kompleks Buliok, bekas pangkalan ketua penentang antara Cotabato Utara dan wilayah Maguindanao.

Pimentel berkata kelewatan itu tidak ada alasan kukuh kerana apa yang dijangkakan di Kuala Lumpur hanyalah merupakan satu penyambungan rundingan awal.

Rundingan damai di Kuala Lumpur yang sepatutnya dijadual bersambung semula pada Julai lepas tetapi telah ditangguhkan beberapa kali.

Pimentel juga berkata sehingga kini pasukan pengawasan gencatan senjata dari Malaysia dan negara Islam lain belum lagi dihantar.

Beliau berharap Abdullah sebagai Perdana Menteri baru akan menghargai komitmen Dr Mahathir untuk menerajui rundingan damai itu.

Pimentel berkata kerajaan Arroyo akan mengambil kesempatan daripada tawaran Amerika Syarikat supaya konflik itu ditangani dengan segera melalui rundingan damai yang diadakan sejak 1997.

Katanya Institut Keamanan Amerika Syarikat yang beribu pejabat di Washington akan menghantar satu pasukan ke Manila dalam beberapa hari akan

datang untuk mengulangi tawaran mereka bagi memainkan peranan aktif dalam rundingan itu.

-- BERNAMA

ALJ JM BK